

IQRA'


Bil. 2/2024
FEBRUARY



Usah Ragu Mengisi PADU



Majlis Apresiasi Sudut IQRA'
dan Persaraaan Staf



CAREER ODYSSEY MELAKA
FEST
@ MYFUTUREJOBS 2024



Kempen 1 Staf 1 Buku



Manuskrip Melayu Perimbangan
Tradisi Keilmuan
Raja-Raja Melayu



Lawatan Tanda Aras
Perpustakaan Dar
Al-Hikmah, UIA

BULETIN IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM

KEMPEN 1 STAF 1 BUKU

FEBRUARI 27, 2024



27 Februari 2024 (selasa) – Merealisasikan saranan Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu Kampus Bukit Besi telah menganjurkan Kempen "1 Staf 1 Buku" bertempat di Bangunan Perdana, Bangunan Ilmuan dan Kolej Kediaman UiTMCT Kampus Bukit Besi. Kempen ini dimulai dengan menyasarkan staf pentadbiran termasuk staf profesional dan staf pelaksana dengan menerapkan objektif utama iaitu memupuk semula budaya membaca yang kian tenggelam dek arus pemodenan teknologi serta bertepatan dengan tagline baharu Perpustakaan UiTM iaitu "Pembudayaan Ilmu Membentuk Adiwangsa".

Penganjuran kempen ini sekali lagi dijayakan dengan kolaborasi bersama Perpustakaan Desa Bukit Besi, mendapat sambutan yang memberangsangkan dari kalangan warga UiTM ini. Pinjaman berkelompok dari Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun juga banyak membantu dalam memenuhi keperluan semasa warga kampus yang dahagakan bahan-bahan terbaharu terutamanya novel-novel yang viral dan penulis yang terkenal. Ekoran kekangan masa dan komitmen masing-masing di pejabat menyukarkan untuk datang secara fizikal ke perpustakaan. Jadi, kali ini perpustakaan cuba memperkasakan kempen yang dilibarkan sebagai "Perpustakaan Bergerak" ini bagi memenuhi permintaan staf untuk mendapatkan buku yang dikehendakinya. Perpustakaan juga membuka peluang kepada staf untuk mencadangkan buku-buku lain untuk dibekalkan pada bulan hadapan.



BULETIN IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak



@libraryuitm



@libraryuitm



@perpustakaanuitm



@uitmlibrary



@perpustakaanuitm

Hubungi kami:



03 5521 1704



korporatptar@uitm.edu.my



Unit Penerbitan dan Pemasaran,
Bahagian Korporat dan Kolaborasi,
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
UiTM Shah Alam.



library.uitm.edu.my